

01 FEB 1997

MAHATHIR KE LANGKAWI DENGAN PESAWAT BARU AIRASIA

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Langkawi hari ini dengan menaiki pesawat baru Boeing 737-300 milik syarikat penerbangan AirAsia, sejeurus selepas beliau menepung tawar pesawat itu di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Dr Mahathir diiringi oleh Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Berhad Tan Sri Yahaya Ahmad. AirAsia ialah sebuah anak syarikat kumpulan itu.

Perdana Menteri melakukan upacara tepung tawar pesawat yang mempunyai 148 tempat duduk kelas pelancong itu yang disewa daripada syarikat GE Capital Aviation Services Ltd dari Amerika Syarikat, berhampiran bilik orang kenamaan Bunga Raya di Terminal Satu.

Dr Mahathir akan kembali ke Kuala Lumpur malam ini dengan pesawat yang sama.

Boeing 737-300 terbaru itu ialah pesawat kedua untuk AirAsia, syarikat penerbangan nasional kedua Malaysia, yang memulakan operasinya November lepas, kata satu kenyataan syarikat itu.

Penerbangan sulungnya ke Pattaya dilancarkan pada 16 Nov lepas. AirAsia juga mengadakan perkhidmatan ke Taipei menerusi Kota Kinabalu.

"Dengan ketibaan pesawat kedua ini, AirAsia bercadang untuk memperluaskan operasinya ke destinasi-destinasi lain yang sedang dirundingkan dengan pihak berkuasa," kata kenyataan itu.

Sempena musim perayaan berganda ini, AirAsia turut mengadakan penerbangan tambahan ke Kota Baharu dan Kota Kinabalu.-- BERNAMA

ES MZ MAI